

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. IZANI BIN HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 31 JULAI 2017
SOALAN : 30

YB Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil KKM terhadap pemilik syarikat kosmetik yang mengeluarkan produk yang mengandungi bahan terlarang dan beracun sehingga membahayakan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952 semua produk kosmetik perlu dinotifikasi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ianya boleh dikilang, diimport atau dijual di Malaysia.

Syarikat kosmetik perlu mengemukakan notifikasi kosmetik kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), KKM secara atas talian melalui sistem QUEST. Senarai produk kosmetik yang bernotifikasi dengan KKM boleh disemak melalui laman sesawang rasmi NPRA di pautan <http://npra.moh.gov.my/>.

KKM secara aktif menjalankan aktiviti surveilans seperti persampelan dan pengujian produk, penyaringan maklumat dan formulasi produk kosmetik, audit Fail Maklumat Produk, pemeriksaan premis pengilangan dan pemantauan iklan kosmetik termasuk media cetak, elektronik dan media sosial. Aktiviti persampelan produk kosmetik di pasaran adalah berdasarkan 'risk-based approach' contohnya produk kosmetik yang berisiko tinggi seperti produk pemutih kulit atau pencerah kulit yang berpotensi untuk dicampur dengan bahan terlarang seperti hidroquinon atau merkuri, produk untuk bayi dan aduan dari pengguna.

Tindakan punitif seperti pembatalan notifikasi dan arahan panggil balik produk dari pasaran akan dikenakan ke atas produk kosmetik yang tidak mematuhi keperluan regulatori yang ditetapkan. Dari tahun 2015 hingga bulan Jun 2017, sejumlah 37 produk kosmetik yang telah dibatalkan atas isu campurpalsu dengan bahan terlarang seperti hyrdoquinone, tretinoin dan merkuri. Selain hebahan melalui kenyataan akhbar, senarai produk-produk tersebut juga dipaparkan di laman sesawang NPRA <http://npra.moh.gov.my> untuk memaklumkan kepada orang ramai. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan terhadap syarikat kosmetik sekiranya gagal membuat panggil balik produk dari pasaran dalam tempoh yang ditetapkan.

Di bawah seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952, individu yang disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi syarikat pula, di bawah seksyen 12(2) Akta Jualan Dadah 1952, hukuman denda tidak

melebihi RM50,000 bagi kesalahan pertama dan denda RM 100,000 bagi kesalahan berikutnya boleh dikenakan.

Orang ramai digalakkan untuk menyalurkan maklumat berkenaan produk kosmetik yang meragukan kepada pihak kementerian untuk membanteras penjualan kosmetik tidak bernetifikasi. Maklumat boleh disalurkan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> atau mana-mana Cawangan Penguatkuasa Farmasi di setiap negeri. Orang awam juga boleh menyemak status notifikasi kosmetik melalui laman sesawang <http://npra.moh.gov.my> atau dengan menghubungi NPRA di talian 03-78835400.